

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 16.06.2022 MASA: 3.00 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN *UPCYCLE LANE* PERSIARAN TENGGIRI

TARIKH / MASA / TEMPAT

**17 JUN 2022 (JUMAAT)
8.30 PAGI**

**PERSIARAN TENGGIRI
SEBERANG JAYA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam Majlis Perasmian *Upcycle Lane* Persiaran Tenggiri, Seberang Jaya.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; wakil MPKK Jalan Tenggiri, para peniaga, penduduk-penduduk setempat serta pengunjung-pengunjung yang hadir kerana sudi melapangkan masa dan memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pembuangan sisa pukal atau sampah secara haram di pelbagai tempat seperti kawasan berhampiran jalan raya dan tempat pembuangan sisa haram, telah menjadi satu *trend* di kalangan pihak-pihak yang tidak

bertanggungjawab. Mereka merasakan ianya sebagai satu jalan yang memudahkan kerja, tenaga dan menjimatkan kos tanpa menghiraukan kesannya kepada alam sekitar.

MBSP sentiasa memandang serius tentang kes pembuangan sisa pukal secara haram yang masih berleluasa di Seberang Perai. Pencemaran alam sekitar berkaitan pelupusan sampah adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan MBSP mempunyai peruntukan undang-undang bagi mengawal pembuangan sampah secara haram di bawah Seksyen 46 dan 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi kesalahan meletakkan barang di tempat awam / halangan; Seksyen 80 dan 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi kesalahan kacau ganggu; Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi kesalahan kerja tanah; dan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap MPSP 1994.

Pada hari ini kita akan menyaksikan pengindahan lokasi pembuangan sampah haram di Persiaran Tenggiri, Seberang Jaya di mana nama projek iaitu “*Upcycle Lane*” dicadangkan oleh penduduk setempat dan disesuaikan mengikut keperluan MBSP.

Bahu Jalan Persiaran Tenggiri ini telah dikenalpasti sebagai tempat pembuangan sampah haram (*illegal waste dumping*) sebelum ini. Ini merupakan salah satu usaha untuk mengekang aktiviti pembuangan sampah haram di lokasi yang menjadi tumpuan atau laluan orang ramai yang ingin beriadah di Taman Tunku yang berdekatan. Projek ini merupakan salah satu solusi dalam membanteras pembuangan sampah haram selain daripada penguatkuasaan sedia ada.

Selain tindakan penguatkuasaan, MBSP juga telah mengambil beberapa langkah bagi mengawal pelupusan dan pembuangan sampah secara haram di bahu jalan atau kawasan-kawasan longgokan sampah haram iaitu:

- i. Memasang *portable* CCTV di kawasan *hotspot* bagi memantau dan mengawal kegiatan pembuangan sampah secara haram.

Tujuan pemasangan CCTV di lokasi-lokasi ini adalah untuk:-

- a. untuk mengelakkan longgokan sampah di kawasan pasar awam.
- b. untuk memantau kesalahan jika terdapat sampah sisa binaan di buang di kawasan awam kerana sisa binaan ada kontraktor pelupusan binaan.

- c. untuk mengelakkan pembakaran sampah dalam Tong Roro.
- ii. Cadangan untuk menyenarai hitam kontraktor yang membuang sisa binaan secara haram.
- iii. Membuat halangan sama ada memasang penghadang, pagar atau membuat parit untuk menghalang pihak yang tidak bertanggungjawab daripada melakukan pembuangan sampah secara haram, terutamanya di atas tanah rizab kerajaan.
- iv. Menjalin kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) bagi menangani masalah pembuangan sampah haram di tanah milik kerajaan atau rezab sungai.
- v. Melaksanakan program pengindahan dengan hiasan tayar dan sebagainya mengikut *trend* semasa serta keperluan penduduk setempat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP telah menjalankan soal selidik dan hasil daripada soal selidik dan perbincangan yang dilaksanakan bersama penduduk, menunjukkan

sokongan dan persetujuan untuk diwujudkan projek pengindahan di kawasan itu. Di samping itu, penduduk juga mencadangkan penambahan elemen-elemen struktur pengindahan yang berkonsepkan penggunaan sampah sarap yang dikutip dan dikitar semula ditambahbaik dengan bahan baru.

Konsep yang diketengahkan dalam projek ini adalah mengikut keperluan pelbagai lapisan masyarakat iaitu “Laluan Dinamik” bagi golongan muda dan “Laluan Santai” bagi golongan berusia dan “Orang Kurang Upaya” (OKU). Sebanyak 85% bahan yang digunakan adalah bahan kitar semula dan selebihnya adalah bahan baru seperti simen, konkrit, cat, fibre glass dan lain-lain alat pertukangan. Seratus peratus (100%) hasil kerja, idea dan kreativiti adalah daripada kalangan Wira Oren, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP. Tempoh projek adalah daripada bulan Februari 2021 sehingga Jun 2022 dan menelan kos sebanyak RM36,018.09. Tahniah dan syabas untuk Wira Oren MBSP.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya berharap dengan wujudnya *Upcycle Lane* ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini dan memenuhi

ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga *Upcycle Lane* dan semua kemudahan yang disediakan di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillarhirrahmanirrahim, saya merasmikan *Upcycle Lane* Persiaran Tenggiri.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Terima Kasih.